

**Muhyiddin Saran Ahli Perniagaan Bumiputera, GLC Dan Cina Tempatan Gabung Tenaga Bernama
3 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa komuniti perniagaan Cina tempatan supaya terus menjadi rakan kongsi dalam membangunkan Malaysia dan melabur dalam ekonomi domestik.

Beliau juga menyeru mereka agar bergabung tenaga dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan peniaga-peniaga bumiputera untuk memainkan peranan di peringkat seterusnya dalam pembangunan Malaysia.

"Sudah sekian lama, ahli perniagaan Cina tempatan menjadi pelabur domestik utama dan adalah selamat untuk mengatakan bahawa tanpa mereka, Malaysia tidak akan berada pada kedudukan hari ini.

"Bagaimanapun, sejak lebih 10 tahun yang lalu semakin banyak pelaburan dalam negeri telah dijalankan oleh GLC," kata Muhyiddin dalam ucpatamanya pada Forum Ekonomi Cina Dunia ketiga di sini Khamis.

Beliau juga berkata terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam hubungan antara Malaysia dan China dalam tahun-tahun akan datang.

Malaysia, katanya, mahu terus menjalin hubungan, meningkatkan kerjasama dan menggunakan kebanyakan kepakaran masing-masing untuk faedah bersama.

"Dalam tempoh lima tahun akan datang, kami menjangka perdagangan antara Malaysia dan China akan berganda dan mencecah lebih daripada US\$100 bilion menjelang 2015. Tetapi semasa kita memainkan peranan kita, saya juga ingin melihat sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar.

"Sehingga kini, syarikat-syarikat Malaysia telah melabur lebih US\$2 bilion di China tetapi syarikat-syarikat China hanya melabur US\$250 juta di sini. Saya ingin jurang ini dirapatkan," kata Muhyiddin.

Beliau berkata melalui Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-10, Malaysia melabur dan menggalakkan industri pertumbuhan baru yang akan memberi peluang penting bagi sektor swasta untuk mengambil bahagian dalam pembangunan negara.

"Dalam usaha untuk menjadikan sektor swasta jentera pertumbuhan baru, perniagaan perlu terbuka, telus dan pengawasan ekonomi yang adil.

"Kami akan teruskan pendekatan ini dan melalui liberalisasi dan penyahkawalseliaan, bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang kompetitif bagi sektor swasta berkembang maju," kata Muhyiddin.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia meliberalisasikan 17 subsektor perkhidmatan bulan lepas selain daripada 27 yang diumumkan pada 2009, menjadikan ekonomi Malaysia lebih terbuka.

Forum itu, bertemakan "Menghubung Timur dan Barat", dianjurkan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Country Heights Group.

Ia memberi tumpuan kepada kemunculan kuasa ekonomi China Global, bukan sahaja dari China tetapi juga diaspora Cina di seluruh dunia.

.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624424>